

MAHATHIR-SARAWAK

1979

KUCHING, 6 SEPT (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEKANKAN PENTINGNYA DIKALKAN HUBUNGAN BAIK YANG UJUD KINI ANTARA KERAJAAN NEGERI SARAWAK DAN KERAJAAN PUSAT.

+PADA MASA INI KITA MEMPUNYAI HUBUNGAN PERIBADI YANG BAIK ANTARA PARA PEMIMPIN NEGERI DAN PUSAT, + TAMBAHNYA.

+ITULAH SEBABNYA KITA DAPAT MEMAHAMI KEPERLUAN DAN KEDAJIKAN RAKYAT, + JELASNYA KEPADA PARA PEMBERITA DI MAJLIS BERJUMPA RAKYAT DI PUSA KIRA-KIRA 170 BATU KE TIMUR DARI SINI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI YANG TIBA DI SINI KELMARIN MELAWAT DUA DAERAH LAIN— DEBAK DAN BELADIN DI BAHAGIAN KEDUA. BELIAU DIIRINGI OLEH TIMBALAN MENTERI KESIHATAN PERSEKUTUAN, DR. SULAIMAN DAUD.

LAWATANNYA IALAH UNTUK MENYOKONG CALON BARISAN NASIONAL, HAJI ZAINUDDIN SATEM, YANG BERTANDING DI KAWASAN SARIBAS MENENTANG PRESIDEN PAJAR, HAJI ALLI KAWI. — BERSAMBUNG 2030/AI

EE

B608:

MAHATHIR-SARAWAK 2 KUCHING

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN UMNO MENAFIKAN DAKWAAN PARTI PEMBANGKANG, PAJAR, YANG IA MENDAPAT SOKONGAN UMNO.

+KITA TIDAK AKAN MENYOKONG MANA-MANA PARTI KECUALI BARISAN NASIONAL SARAWAK, + TEGASNYA.

TERDAHULU DI DEBAK, TIMBALAN PERDANA MENTERI MEMBERITAHU RAKYAT BAHAWA SARAWAK MENIKMATI KEMAJUAN PESAT SEJAK IA MENYERTAI MALAYSIA 16 TAHUN LALU.

KATANYA RAKYAT DAPAT MELIHAT SENDIRI KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG LEBIH BAIK — JALAN-JALANRAYA DAN PERHUBUNGAN, RAWATAN PERUBATAN SERTA PELUANG-PELUANG PELAJARAN — YANG DIDATANGKAN OLEH KERAJAAN YANG DIPILIH OLEH RAKYAT.

+DENGAN ITU ADALAH PENTING BAGI MEREKA MEMILIH PEMIMPIN-PEMIMPIN YANG BERTANGGUNGJAWAB DALAM PILIHANRAYA NEGERI INI, + KATANYA. — BERSAMBUNG 2033/AI

EE

B609:

MAHATHIR-SARAWAK 3 KUCHING

BELIAU BERKATA PARTI PEMBANGKANG TIDAK DAPAT MENGEMUKAKAN CALON-CALON YANG CUKUP BAGI MENUBUHKAN SEBUAH KERAJAAN.

SEMENTARA ITU CALON-CALON BEBAS CUBA MEMBOHONGI RAKYAT BAHAWA MEREKA DAPAT MEMBUAT SESUATU YANG POSITIF BAGI RAKYAT APABILA TERPILIH.

KETUA MENTERI DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL RAHMAN YAAKUB MENGGESA PENYOKONG-PENYOKONG BARISAN NASIONAL UNTUK MENGUATKAN PERPADUAN MEREKA DAN SENTIASA BERJAGA-JAGA TERHADAP ANASIR-ANASIR YANG CUBA MENJEJASKAN PERPADUAN.

BELIAU JUGA MENGUMUMKAN BAHAWA KERAJAAN PUSAT TELAH MENGELUARKAN BIASISWA-BIASISWA KECIL KEPADA 209 MURID UNTUK BELAJAR DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI SARIBAS DAN KEPADA 114 PELAJAR DI SEKOLAH MENENGAH KERAJAAN DI DEBAK.

KETUA PEMUDA UMNO HAJI SUHAINI DATUK KAMARUDDIN JUGA MENGIRINGI DATUK SERI DR. MAHATHIR DALAM LAWATAN TERSEBUT. — BERSAMBUNG 2037/AI

EE

B610:

MAHATHIR-SARAWAK 4 KUCHING

KEMUDIAN, BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SEBELUM BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR, DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN AKAN TERUS MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH BERKESAN BAGI MENGATASI MASALAH KEKURANGAN MINYAK DIESEL.

+SELAIN DARI MENENTUKAN HARGA BARANGAN ITU, KITA JUGA AKAN MENGHANTAR BEKALAN YANG CUKUP KEPADA TIAP-TIAP TEMPAT,+ TAMBAH BELIAU.

BELIAU JUGA MEMBIDAS PARTI DAP KERANA MENJADIKAN MASALAH ITU SEBAGAI SATU ISSU POLITIK DALAM KEMPENNYA DALAM PILIHANRAYA NEGERI SARAWAK INI. — BERNAMA 2039/A1